

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL  
AZIZ  
[ PASIR MAS - PAS ]**

**TARIKH : 20 MEI 2015 (RABU)**

**SOALAN (NO. 75)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) modul-modul yang disediakan di dalam Akademi Pembangunan Belia; dan
- (b) jumlah belia yang mengikuti akademi terbabit mengikut peringkat umur.

**SULIT**

**JAWAPAN (A)**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, modul yang disediakan di Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM) ialah modul kepimpinan belia dan program keusahawan seperti berikut:

- i. Kursus Kemahiran Memimpin;
- ii. Kursus Pembinaan Pasukan;
- iii. Kursus Pengurusan Program;
- iv. Kursus Kejurulatihan Belia (T.O.T);
- v. Rancangan Perniagaan;
- vi. Pengurusan Kewangan;
- vii. Pengurusan Pemasaran;
- viii. Komunikasi Perniagaan;
- ix. Aplikasi ICT;
- x. Kemahiran komersil; dan
- xi. Lawatan Belia Niaga.

**JAWAPAN (B)**

Jumlah keseluruhan belia yang mengikuti program di Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM) pada tahun 2014 adalah seramai lima ribu empat ratus dan lima puluh enam (5,456) orang. Kesemua peserta ini adalah golongan belia yang berumur lapan belas (18) hingga empat puluh (40) tahun.

Sekian, terima kasih.